

BULETIN



Mei - Ogos 2009 Edisi Kedua

hepa

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Ikhlas daripada

PROF. DR. ZOLKEPLI BIN BUANG

Dekan HEPA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Ikhlas daripada
PROF. DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



LB
3602
.B84
2009
a
v2



ISSN 2180 - 0499



9 772180 049001

LB3602 .B84 2009 v2



87515885

KATA EDITOR

Isi Kandungan

FENAS

Minggu Haluan Siswa Siri 2009/10

Kursus Asas Pengukuhan Pemimpin Orientasi 2009

HAFOS

Bakti Siswa Siri 1 & 2 2009

Pertukaran Budaya UTeM - UMS

Ekspedisi Minda & Adikku Cemerlang

Debat Perpaduan

UTeM di Dada Akhbar

Xplorasi Merungkai Badai Belantara

Bengkel Pemantapan Dikir Barat

Ihya' Ramadhan

PEMANGKIN 2009

Majlis Perjumpaan YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Festival DEKON MAKUM 2009

Rehlah Mahabbah 2009

UTeM ke-9 Terbaik Sukan MASUM 2009

Info Penempatan Pelajar

04
05
06
07
08
09
10
11
14
15
16
17
18
19
20
21
22

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.




Selamat bertemu kembali pada Buletin edisi ke-2 sesi 2009 ini. Alhamdulillah, bersempena dengan bulan Syawal ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga kampus UTeM. Selesaikanlah sambutan Aidilfitri yang mulia ini dengan penuh keikhlasan beserta ketakawaan kepada-Nya. Meskipun Bulan Ramadhan telah berlalu, namun saya berharap agar setiap daripada kita semua masih lagi tekun dalam mempertingkatkan amal ibadat sehari-hari dan senantiasa berlindung di bawah naungan-Nya yang Esa.

Tanamkan kegigihan dan minat yang mendalam dalam apa jua bidang ilmu di dunia mahupun di akhirat agar dapat membawa kejayaan dan kesejahteraan. Dalam kehidupan di dunia, kita amat dituntut mempelajari pelbagai ilmu dengan keikhlasan kerana Allah S.W.T. Imam Abu Hanifah pernah berkata, orang yang mencari ilmu pengetahuan hanya bagi kebaikan dunia sahaja, ilmu pengetahuannya itu tidaklah berakar di hatinya.

Imam Al-Ghazali menegaskan ilmu itu kehidupan hati daripada kebutaan, sinar penglihatan daripada kezaliman dan tenaga dari kelemahan. Islam amat memuliakan ilmu pengetahuan dan menyuruh agar umatnya menjadi orang yang berilmu pengetahuan. Dalam hal ini, menuntut ilmu itu wajib bagi setiap makhluk sama ada tua atau muda. Ia digalakkan bagi mengangkat peradaban umat pada masa akan datang selain menjadikan seseorang itu belajar menjadi kreatif dan inovatif agar dapat menguasai budaya cipta, menghargai nikmat hidup dan anugerah-Nya kepada manusia di dunia ini. Masih belum terlewati untuk saya mengucapkan Selamat Hari Kemerdekaan ke-52, diharap agar kita dapat menyuburkan semangat patriotisme yang membara dengan mendedikasikan usaha tanpa berbelah bagi atas nama 1Malaysia. Marilah bersama-sama merealisasikan harapan ngara yang lebih harmoni dan sejahtera untuk semua rakyat Malaysia seterusnya memastikan panji keramat Jalur Gemilang berkibar megah di persada dunia. Sekian.

Salam Perpaduan.



Coretan Dekan HEPA



HEPA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tahun 2009 kini menghampiri ke penghujung tahun. Pelbagai program, kejayaan dan sejarah telah dicatatkan dalam kalender Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UTeM. Pastinya tahun ini memberikan satu cabaran yang besar namun sangat bermakna bagi kami semua dalam menguruskan dan mentadbir HEPA. Bagi mencapai visi dan misi, HEPA memikul tanggungjawab yang penting dalam memantapkan program pembangunan pelajar setanding dengan IPTA lain selain meningkatkan keupayaan kemahiran insaniah bagi membentuk peribadi mulia serta sahsiah yang cemerlang dalam diri setiap pelajar.

Di kesempatan ini, saya dan seluruh warga Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, mengalu-alukan kehadiran Mahasiswa/i baru ke UTeM pada 28 Jun 2009 yang lalu dan tahniah kerana telah berjaya menamatkan Minggu Haluan Siswa sesi 2009/2010 dengan jayanya. Tanamkan keazaman dan kesungguhan yang jitu dalam mencapai kecemerlangan di dalam semua bidang khususnya akademik. Penglibatan dalam kurikulum juga amat penting dalam membentuk citra, minda dan jiwa generasi muda, siswa dan siswi yang berdaya saing dalam pencapaian akademik yang menampakkan keunggulan.


Tahap kecemerlangan dalam bidang akademik perlu sentiasa diberikan keutamaan oleh pelajar kerana ianya merupakan pengukur tahap seseorang pelajar. Justeru, pelajar perlu bijak mengimbangi antara akademik dan kurikulum. Manfaatkan masa dengan sebaik-baiknya semasa masih ber gelar pelajar di universiti dan rebutlah setiap peluang yang mendarat sebagai nilai tambah kepada tahap kredibiliti untuk bersaing dalam pasaran dan persekitaran dunia global yang sentiasa menuntut perubahan. Hargailah pelbagai cabaran dan rintangan yang mendarat untuk ditempuhi dan jadikanlah setiap cabaran itu sebagai pembakar semangat untuk meraih kecemerlangan dan kegemilangan.

Semoga pencapaian dan pengalaman sepanjang tahun 2009 ini menjadi penggerak dan pencetus semangat sebagai pelajar bagi mengejar kejayaan yang lebih cemerlang dan mencapai impian pada tahun baru nanti. Selamat maju jaya menjalani peperiksaan yang bakal menjelang.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DR. ZOLKEPLI BIN BUANG

Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM



FESTIVAL NASYID SELATAN 2009

FENAS



18-20 Mei 2009 : Kumpulan Nasyid UTeM "Soutul Ummah" telah menghantar 5 orang peserta untuk menyertai pertandingan Festival Nasyid Selatan 2009 yang berlangsung di UiTM Segamat, Johor. Pertandingan ini telah disertai sebanyak 16 pasukan dari Universiti-universiti seluruh Malaysia. Walaupun pasukan UTeM gagal memenangi sebarang kategori, ianya mampu memberi keyakinan kepada peserta baru di masa hadapan selain meningkatkan mutu suara, vokal dan persembahan hasil pembelajaran yang diterima seterusnya mendalami irama nasyid dengan lebih mendalam melalui penghayatan lagu dan pemilihan lagu.

Oleh: Zaini Bin Abbas



XPDC WiAUMA-Sing Indonesia 2009

11-17 Jun 2009, Padang, Sumatera Barat, Indonesia : Ekspedisi Wisata AUTeM Gunung Merapi & Gunung Singgalang atau dikenali sebagai XPDC WiAUMA-Sing merupakan program pertama anjuran Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dengan kerjasama Unit Alumni dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Alumni (HEPA) UTeM. Seramai 14 orang telah menyertai program ini yang bertujuan meluaskan aktiviti ke luar negara seterusnya membuktikan mahasiswa/i kelahiran UTeM bertaraf antarabangsa dan bersemangat tinggi selain menyemai semangat cintakan Universiti walaupun setelah tamat pengajian. Gunung Merapi merupakan sebuah gunung berapi terletak di Tanah Besar Sumatera yang masih aktif hingga saat ini. Berke tinggian setinggi 2891.3 meter, gunung ini telah meletus sebanyak 454 kali dan terletak bertentangan Gunung Singgalang Manakala, Gunung Singgalang pula berketinggian mencecah 2877 meter dan merupakan gunung yang berpuncak masif. Ia juga mempunyai kawasan Hutan Dipterokrap Bukit, Hutan Dipterokrap Atas, Hutan Montane dan Hutan Ericaceous (Hutan Gunung). Selain aktiviti mendaki, para peserta juga berkesempatan melawat Politeknik Unand, Padang, Indonesia serta merasai suasana kehidupan masyarakat Padang.

Oleh: Fitrizan Bin Azizan



"MENUJU PUNCAK KEGEMILANGAN"

Majlis Perasmian MINGGU HALUAN SISWA SESI 2009/2010

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

dikan oleh:

DATO' MO
Hari Penga

ALI RAZIYAH RDI
Ma

MINGGU HALUAN SISWA SESI 2009/2010

Oleh : Mahathir Bin Mazizan

Pada 28 Jun 2009 telah menyaksikan Pusat Sukan, Kampus Induk, UTeM meriah dengan kehadiran pelajar-pelajar baru yang mendaftar bagi sesi 2009/2010. Bagi pengambilan sesi ini, UTeM telah menerima seramai 1,616 orang pelajar baru yang akan mengikuti pengajian dalam bidang teknologi maklumat, mekanikal, pembuatan, elektrik, teknousahawan dan elektronik. Pendaftaran pelajar yang bermula pada jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang telah berjalan dengan lancar. Melalui proses pendaftaran yang teratur dan bersistematis, pelajar-pelajar baru hanya mengambil masa 5 hingga 10 minit bermula daripada kaunter Komputer sehinggalah ke kaunter cenderahati dan seterusnya pelajar bergerak ke kolej kediaman masing-masing.


Minggu Haluan Siswa yang berlangsung pada 28 Jun hingga 3 Julai 2009 diwajibkan kepada semua pelajar baru telah dilaksanakan dengan jayanya. Pelbagai pengisian disediakan untuk pelajar-pelajar baru bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai matlamat, fungsi dan struktur Universiti, memupuk dan menyuburkan nilai-nilai murni umpamanya hormat-menghormati, jujur, tolong-menolong, bertoleransi di samping mempunyai ketahanan dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI). Di samping itu juga, pelajar baru diberi peluang mengenali proses pengajaran dan pembelajaran yang bersistematis serta suasana kehidupan kampus yang ceria dan melahirkan pelajar yang bermotivasi diri, mampu mengurus masa dengan cekap serta berdaya saing dan kompetitif.

UTeM amat berbesar hati kerana Minggu Haluan Siswa pada kali ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B Dato' Seri Mohd Khaled Bin Nordin pada 30 Jun 2009 dan turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM, Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan. Dalam ucapannya, Dato' Seri Mohd Khaled Bin Nordin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar baru yang telah terpilih untuk mengikuti sesi pengajian di UTeM. Para pelajar ini adalah mereka yang telah terpilih di antara 60,000 calon yang memohon untuk melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Malaysia.

Kata beliau lagi, sebagai sebuah IPTA yang masih baru, UTeM telah menunjukkan perkembangan yang membanggakan selain menawarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang unik berteraskan aplikasi dan amalan. Bidang Tujuh (Niche Area) iaitu Teknologi Pembuatan Termaju yang telah ditetapkan juga memberi nilai tambah kepada program akademik yang ditawarkan di sini. Beliau juga berharap agar mahasiswa/i yang diterima melanjutkan pengajian di UTeM tidak mensia-sikan peluang keemasan yang telah diberi dengan belajar bersungguh-sungguh agar mampu menjadi modal insan yang akan menyumbang kepada kemajuan teknologi negara sebaris dengan negara-negara maju di dunia.

Kursus Asas Pengukuhan Pemimpin Orientasi 2009

Oleh : Nur Diyana binti Suparman



23-26 Jun 2009 : Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM telah menganjurkan Kursus Asas Pengukuhan Pemimpin Orientasi 2009 bertempat di Majlis Sukan Negara, Saujana Asahan, Melaka. Program ini bertujuan membantu dan melatih bakal barisan fasilitator UTeM di dalam mengurus serta melancarkan perjalanan Minggu Haluan Siswa Sesi 2009/2010. Kursus yang disertai seramai 132 orang ini merupakan satu cabaran bagi para pemimpin mahasiswa/i UTeM dalam usaha membantu universiti melahirkan mahasiswa/i yang berkepimpinan dan berkebolehan dalam menguruskan sebarang perkara.



Program selama 4 hari 3 malam ini telah diisi dengan pelbagai aktiviti yang menguji ketahanan fizikal, mental dan spiritual peserta. Antaranya, slot ceramah yang mementingkan aspek penampilan diri dan pengurusan Latihan Dalam Kumpulan (LDK), aktiviti luar yang menguji ketahanan fizikal peserta serta latihan berkomunikasi dengan baik seterusnya meningkatkan keyakinan diri peserta sebelum melangkah ke Minggu Haluan Siswa. Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor, UTeM.

Oleh : Mohd Ridhwan bin Salamun



hafos Seminar Makanan Halal (HAFOS) 2009

15-16 Julai, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menghantar seramai 17 orang pelajar bagi mengikuti Seminar Makanan Halal (HAFOS) 2009 yang dianjurkan oleh Fakulti Sains dan Teknologi (FST), USIM. Antara pengisian-pengisian yang didedahkan kepada para peserta adalah pembentangan sebanyak 13 buah kertas kerja serta forum yang berkaitan mengenai perundungan, penggunaan bahan ramuan yang baik, kualiti makanan, teknologi pembuatan makanan dan isu-isu globalisasi yang berkaitan dengan makanan halal dan haram.

Majlis Perasmian seminar ini telah disempurnakkan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, Menteri Besar, Negeri Sembilan. Selain itu, seminar ini juga turut mengadakan pameran-pameran makanan halal yang terdiri daripada beberapa syarikat pengeluar makanan di Malaysia seterusnya menempatkan gerai-gerai jualan bagi menarik minat peserta atau pengunjung yang hadir pada seminar makanan halal ini.

ISCO'09



Seramai 10 orang wakil mahasiswa/i Islam UTeM telah menyertai Konvensyen Kepimpinan Mahasiswa Islam 2009 (ISCO'09) yang diadakan pada 24 hingga 26 Julai 2009 bertempat di Hotel Putra KL, Kuala Lumpur. Konvensyen anjuran Dewan Amal Hadhari (DAMAI) (*Entiti di Bawah Jabatan Perdana Menteri*) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini telah dihadiri oleh Mahasiswa/i Islam dari 20 buah PTA seluruh negara.

Objektif utama penganggaran konvensyen ini adalah bertujuan memantapkan warisan kepimpinan mahasiswa/i Islam di kampus supaya lebih tersusun dengan aktifiti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan selain mewujudkan bi'ah olehah di kampus. Ia juga bertujuan meningkatkan jalinan ukhuwah dan ilaterrahim di antara pemimpin mahasiswa/i Islam di setiap Institusi Pengajaran Tinggi (IPTA) seterusnya menjadi landasan terbaik kepada pemimpin mahasiswa/i Islam di seluruh negara dalam memanfaatkan penemuan idea baru untuk dilaksanakan kelak.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.B Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Pengerusi Kelab DAMAI. Manakala, majlis penutup pula telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia. Dalam ucapan, beliau menyatakan agar mahasiswa/i bergerak secara aktif di kampus supaya menjadi pemimpin yang hebat, berketramilan dan berwawasan tinggi dalam meneraju pembangunan negara pada masa akan datang.

Oleh : Muhammad Faris bin Mohd Radzi



Oleh : Mohd Afiq bin Harun

9-11 Mei 2009 : Seramai 3 orang peserta dari UTeM telah menyertai Bengkel Tarian Asli Makum 2009 bertempat di Kolej Keenam, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor. Bengkel ini bertujuan mendedahkan dan menambah ilmu pengetahuan tentang tarian zapin, joget, inang dan asli selain mempelajari teknik dan cara yang betul untuk menarikannya. Ia juga sebagai persediaan bagi IPTA seluruh Malaysia yang akan menyertai pertandingan Festival Tari MAKUM (Festari) 2009 pada bulan Oktober ini.

Bengkel Tarian Rampaian Asli MAKUM 2009

SIRI 1/2009

19 - 21 Jun 2009 : Seramai 150 orang mahasiswa/i telah menyertai Program Bakti Siswa Perdana Siri 1, 2009 anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bertempat di Gadek, Alor Gajah, Melaka. Program ini adalah bertujuan memberi peluang kepada para mahasiswa/i untuk menganalisis keperluan dan sumbangan yang dapat diberikan kepada masyarakat dengan kepakaran yang dipelajari di universiti bersesuaian dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu "**Memasyarakatkan Universiti**".

Bertemakan 'Mahasiswa Pemaju Kemajuan Masyarakat', program sebegini dilihat dapat mendedahkan mahasiswa/i dengan kehidupan bermasyarakat dalam konteks pelbagai kaum, agama dan bangsa. Disamping itu juga, program ini adalah salah satu modul bagi bakal-bakal fasilitator Minggu Haluan Siswa (MHS) 2009/10 untuk melengkapkan diri dengan kemahiran berkomunikasi dan kemahiran insaniah lain. Pelbagai pengisian program telah dirancang bagi mencapai objektif program, antaranya Karnival Bakti Siswa Perdana, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Kenduri Sekampung dan Makan beradat bersama TYT Melaka.

Majlis perasmian penutup dan Majlis Makan Beradat telah disempurnakan oleh Y.B Datuk Hj. Abdul Ghafar bin Hj. Atan, ADUN Gadek dan turut dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Tun Datuk Seri Utama Mohd. Khalil bin Yaakob, Tuan Yang Terutama Negeri Melaka dan Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka.

Oleh : Nik Mohd Afiq bin Nik Mohd Arif



BAKTI SISWA


SIRI 2/2009

Oleh : Nur Aishah bt. Zainuddin

24-26 Julai 2009 : Exco Perpaduan dan Integrasi Kaum, MPP UTeM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTeM telah menganjurkan dengan jayanya program Bakti Siswa Siri 2/2009 bertempat di Felda Kg. New Zealand, Maran, Pahang.

Objektif penganjuran BAKSIS ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan bukan sahaja di kalangan mahasiswa/i, namun turut melibatkan masyarakat luar selain mendedahkan kepada mahasiswa/i mengenai kehidupan bermasyarakat terutamanya di kawasan luar bandar. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang berlangsungnya program ini. Antaranya sesi motivasi bersama pelajar sekolah rendah, lawatan ke industri kecil sederhana iaitu perusahaan laksa, malam kebudayaan, gotong-royong perdana dan pelbagai lagi.

Majlis perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh Pn. Fairojibanu bt. Zainal Abidin, Pengarah Perpaduan dan Integrasi Nasional, Negeri Pahang, Manakala, majlis penutupan pula telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Haji Ismail B. Hj. Muttalib, Ahli Parlimen Maran, Pahang. Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif sebagai satu program yang dapat meningkatkan ketrampilan dan kemahiran insaniah di dalam diri mahasiswa/i UTeM khususnya.



Exco Kebudayaan, Kesenian & Warisan, MPP UTeM dengan kerjasama Unit Kebudayaan & Warisan, HEPA telah mengadakan program pertukaran budaya ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 17-19 Julai 2009. Program ini adalah bertujuan mengeratkan hubungan dua hala di antara warga UTeM serta warga UMS dan memupuk minat mahasiswa/i dalam dunia seni budaya kebangsaan dan melahirkan rasa cinta terhadap budaya warisan negara.

Selain itu juga, ia dapat melahirkan daya kreativiti dan ketrampilan mahasiswa dengan mencetuskan idea-idea yang mampu meningkatkan nilai seni diperingkat yang lebih tinggi dan memupuk nilai-nilai murni dikalangan mahasiswa dalam menjawab kehalusan seni, kesabaran dan kerjasama dalam ahli pasukan selain memberi pendedahan kepada pelajar tentang aktiviti kesenian yang masih wujud di Malaysia agar dapat diadakan sebagai satu pengetahuan yang dapat disebarluaskan secara meluas.

Pelbagai aktiviti disajikan antaranya persembahan kebudayaan dan lawatan sekitar kampus UMS iaitu lawatan ke Sekolah Pengajaran Seni yang menempatkan studio tarian, muzik dan seni visual, galeri seni dan Dewan Resital. Kami juga berpeluang mempelajari Tarian Magunatip iaitu salah satu tarian etnik Sabah yang juga dipanggil Tarian Buluh seterusnya melawat sekitar Kota Kinabalu untuk menikmati puding kelapa, kelapa bakar dan lukan panggang, sajian istimewa negeri Sabah.

PERTUKARAN BUDAYA UTeM - UMS




Oleh : Syaffiqah bte Shahruzzaman

MINGGU INTERAKSI BERSAMA PENGETUA

Oleh : Abdul Halim bin Mohamad Noh

Minggu Interaksi Bersama Pengetua 2009 telah berjaya diadakan di Perkarangan Kolej Kediaman UTeM Murni pada 13 hingga 14 Julai 2009. Seramai 800 mahasiswa/i telah bersama-sama memeriahkan program yang dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Asrama Siswi (JAKSIS) dengan kerjasama Pihak Pengurusan Kolej Kediaman UTeM Murni. Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan, antaranya, Taklimat Pengetua dan Penolong Pengurus Asrama, Aktiviti Kerohanian, Sukan dan sebagainya.

Minggu Interaksi ini adalah bertujuan memperkenalkan Ahli Jawatankuasa Asrama Siswi (JAKSIS) Murni kepada para penghuni Kolej Kediaman Murni seterusnya berpeluang berkenalan dengan Pengetua, Felo, Staf serta penghuni kolej Kediaman Murni itu sendiri. Melalui Program seperti ini, para penghuni berpeluang untuk menyatakan pertanyaan atau permasalahan mengenai kolej kediaman yang dihadapi secara terus menerus agar segala permasalahan dapat diperhalusi dan diselesaikan.



UTeM Bikers dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTeM dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) cawangan khas UTeM dengan jayanya telah menganjurkan Program Kem Expedisi Minda dan Adikku Cemerlang Siri 1/2009 pada 30 April sehingga 2 Mei 2009 bertempat di PDS Resort & Camp dan Sekolah Rendah Kebangsaan Tanjung Agas, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Program yang terdiri daripada 40 orang mahasiswa/i UTeM dan 60 orang pelajar tahun 6 Sek. Ren. Keb. Tanjung Agas ini bertujuan menyemai nilai-nilai kepimpinan, memotivasi diri dan memupuk semangat setiakawan sesama peserta selain menggalakkan penglibatan mahasiswa/i UTeM khususnya di dalam usaha membantu kerajaan menjayakan sistem pendidikan

ADEKU GEGER CEMERLANG DENGAN DUA PEMERINTAHAN



4-7 Mei 2009 : Unit Keusahawanaana, HEPA telah mengadakan Latihan Keusahawanan Siswa (Modul 1 dan 2), Siri 1 bertempat di Pangkor Beach Resort, Pulau Pangkor, Perak. Manakala, pada 17 hingga 19 Jun 2009 program susulan iaitu Latihan Keusahawanan Siswa (Modul 1 dan 2), Siri 2 telah diadakan di Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai lebih kurang 60 pelajar telah menyertai latihan yang dianjurkan.

Latihan ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran menganalisis potensi diri, memberi pengalaman membuat keputusan berkesan seterusnya menganalisis 'kecenderungan dan kemampuan diri untuk mewujudkan matlamat yang mencabar serta terancang ke arah pencapaian yang cemerlang. Justeru itu, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya ujian keusahawanan menilai diri, menganalisis potensi diri dan lain-lain.

LATIHAN KEUSAHAWANAN SISWA (MODUL 1 & 2) SIRI 1 & 2, 2009

Malam Tautan Hati BADAR 09

9 Julai 2009 bersamaan 16 Rejab 1430H : Badan Dakwah Dan Rohani (BADAR), UTeM dengan kerjasama Unit Kerohanian, HEPA telah menganjurkan program Malam Tautan Hati BADAR 09 bertempat di Dewan Utama Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal.

Program yang dihadiri seramai 250 orang mahasiswa/i ini disaji dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya; solat berjemaah, pengisian rohani, pembahagian smart group, tayangan montaj dan sebagainya. Selain memperkenalkan kelab BADAR UTeM kepada mahasiswa/i UTeM yang baru menjelaskan kaki di UTeM, program ini juga bertujuan mengeratkan hubungan sesama ahli kelab seterusnya memupuk sifat bekerjasama dan bertanggungjawab dalam menjalankan sesuatu aktiviti yang dirancang.

Oleh : Zainuddin Bin Abdul Hamid

Oleh : Mohd Fakhru Nizam Bin Husain



PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL 2009

12-16 Jun, Kota Samarahan, Sarawak : Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional 2009 telah berlangsung dengan jayanya selama 5 hari di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi mempromosi serta membudayakan perpaduan dan integrasi di kalangan mahasiswa/i pengajian tinggi. Sebanyak 28 buah pasukan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam maupun swasta telah menyertai pada kali ini.

Pasukan Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) tidak ketinggalan menghantar 4 orang pendebat iaitu Martin Dinil, Shaiful Bakhtiar Bin Rodzman, Naim Husni Bin Latif dan Kong Hong Fai. Berkat kesungguhan, pasukan debat UTeM telah memenangi 4 daripada 6 perlawanan iaitu melawan pasukan UIAM, UTM, UNISEL dan KUIS sekaligus menduduki tempat ke-8 daripada 28 pasukan dan melayakkan pasukan UTeM ke peringkat suku akhir.

Malangnya, pasukan UTeM kalah kepada pasukan UiTM pada peringkat suku akhir iaitu pada hari keempat. Walaupun tidak berjaya di peringkat suku akhir, namun kedudukan pasukan UTeM pada kali ini amat memberangsangkan iaitu pada tangga ke-8. Tahniah!

Oleh: Ahmad Ibrahim Bin Yazirudin



PERTANDINGAN DEBAT PERDANA INTEGRITI 2009

15- 19 Mei 2009, Skudai, Johor : Pertandingan Debat Perdana Integriti 2009 telah diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). UTeM turut serta menghantar penyertaan sebanyak satu pasukan yang diwakili oleh 4 orang pendebat iaitu Norsyareman Bin Che Azmi, Shaiful Bakhtiar Bin Rodzman, Nor Syuhada Binti Che Khalid dan Ahmad Syakir Bin Wahid.

Pertandingan debat ini adalah bertujuan mempromosi serta membudayakan etika dan integriti di kalangan mahasiswa/i. Sebanyak 32 buah pasukan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi telah terlibat dalam menjayakannya. Pada Perlawanan saringan, pasukan Debat UTeM telah memenangi 2 daripada 6 perlawanan menentang pasukan Universiti Sain Islam Malaysia (USIM) dan pasukan swing UTM. Malangnya, pasukan UTeM tidak layak untuk ke peringkat seterusnya dan hanya berjaya menduduki tempat ke-28.

Pada pertandingan kali ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengungguli juara keseluruhan dan diikuti dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai naib johan.



PERTANDINGAN DEBAT KEPENGGUNAAN FOMCA 2009

Pertandingan Debat Kepenggunaan FOMCA 2009 telah diadakan pada 18 hingga 21 Jun 2009 bertempat di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, Johor. Pertandingan yang telah berlangsung selama 4 hari adalah bertujuan untuk mempromosi serta membudayakan konsumerisme dan hak-hak pengguna di kalangan mahasiswa/i pengajian tinggi. Pada kali ini, sebanyak 38 buah pasukan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi telah menyertai.

UTeM turut menghantar penyertaan sebanyak satu pasukan yang diwakili oleh 4 orang pendebat iaitu Ahmad Ibrahim bin Yazirudin, Shaiful Bakhtiar Bin Rodzman, Nor Syuhada Binti Che Khalid dan Ahmad Syakir Bin Wahid. Pada hari kedua dan ketiga, pasukan Debat UTeM telah memenangi 2 daripada 6 perlawanan iaitu menentang IPG Batu Lintang dan pasukan KM Kuala Nerang serta tidak melayakkan pasukan debat UTeM ke peringkat seterusnya. Kedudukan pasukan UTeM pada pertandingan kali ini ialah pada tangga ke-30.

Walaupun tidak berjaya mengungguli sebarang kategori, di harap delegasi debat UTeM dapat memperbaiki kedudukan dan prestasi pasukan pada tahap yang lebih baik pada masa hadapan.



nam pelajar ikuarantin tujuh hari

ELAKA: Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) Melaka mengelarkan enam pelajar banya dari Indonesia diikuarantin di asrama sebab mengadu batuk sejak Ah:



UTeM percepat uti semester

MELAKA 31 Julai - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) hari ini mengambil langkah mempercepatkan cuti tengahan semester bermula minggu 9 Ogos ini. Naib Canselor UTeM, Prof. Ahmad Yusof Hassan berkata, cuti pertengahan semester selama seminggu itu turutnya bermula 15 Ogos apabila dipercepatkan dan akan semula pada 10 Ogos ketanya, keputusan yang dibuat untuk mempercepatkan kesembilan keseluruhan pelajarannya bagi pengajian tinggi awam (IPTA) dilaksanakan langkah pada Karnival Sukan Masum 2009 yang berlangsung di UUM Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Kedudukan ini adalah pengalaman pertama kali mereka di Karnival itu sejak membendurku sejak pertama kali menyertainya pada 2001. Karnival Sukan Masum

ngan UTeM terima bah Hari Kualiti 200



epolej >UTeM tetap puas

ONTINUEN Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menduduki tempat kesembilan keseluruhan pada para pelajarannya bagi pengajian tinggi awam (IPTA) pada Karnival Sukan Masum 2009 yang berlangsung di UUM Sintok, Kedah, baru-baru ini. UTeM tetap puas

adalah sukan tahunan bagi 20 IPTA di negara ini dengan kejohanan bertaraf kebangsaan ini menghimpunkan atlit terbaik setiap universiti bagi mencari juara mutlak dalam setiap acara dipertandingkan. Karate-do dan lawn bowl menjadi penyumbang pingat utama kepada UTeM kali ini. Skuad karate-do menjuarai dua emas dan satu perak manakala lawn bowl meraih dua emas dan satu perak untuk muncul juara keseluruhan kategori

capi tidak tahu menjaga keselamatan semasa di jaya, katanya.

Beliau berkata demiketika berucap pada majlis lancaran Kempen Keselamatan Raya UTeM 2009, di Jalan Raya UTeM, di semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan dan Pengurusan dan Penerangan Perumal, Prof. Dr. Perumal berkata, gram sedemikian menjana pemikiran golosa siswa ke arah yang budaydup yang lebih berkesedaran.

Menurut Zol



MPP UTeM serah mem-

DURIAN TUNGGAL - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memproses

Amerika Syarikat Memuri Sasi kendungan memo adalah desakan ke itu kuatnya supaya erangan as Gaza mengundur dari Bandaikan sem Negara Pal-

a dan meng-

robo

Jel

ang Gei

z di

ia k

pe

kan

2,500 penuntut baru UTeM

MARINA SAHABUDIN

BANDARAYA MELAKA - Seramai 2,500 penuntut baru Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (UTeM) mendaftar di kampus induk UTeM Durian Tunggal di sini.

Ketua Fasilitator Minggu Hari Siswa, Khairul Fikri berkata, minggu orientasi penuntut baru itu adalah untuk menyusun diri di alam pengajian peringkat universiti.

Menurutnya, sebanyak enam kursus ditawarkan dalam pengajian berkenaan

an sekali gus memenuhi kehendak dan kesesuaian bidang pengajian per-

terbit. "Pelbagai jualan diadakan di sekitar UTeM," katanya.

Sementara itu,

Pengerusi Biro Ekonomi dan Keusahawanan, Khartini Ahmad berkata, jualan amal diadakan adalah untuk memberi sumbangan kepada mangsa Gaza.

Layari Sinar di facebook

Memruttaya, bantuan diberikan adalah berbentuk makanan dan wang tunai sekali gus meninggalkan beban golongan terbit.

"Jele

ang Gei

z di

ia k

Sebanyak enam kursus ditawarkan dalam pengajian berkenaan sekali gus memenuhi kehendak dan kesesuaian bidang pengajian penuntut terbit.

-Khairul Fikri

Percepat bina blok kedian UTeM

MELAKA 1 Mac - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meminta kerajaan mempercepat pembinaan blok I di kampus Induk dan kedian pelajar.

Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, Profesor Dr. Dilekgi Buang berkata, beliau difahamkan kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan kos RM40 juta bagi pembinaan kolej kedian berkenaan.

Menurutnya, kolej kedian itu, jika siap, dijangka akan dapat meningkatkan jumlah pelajar dari sekarang 6,650.

Tambahnya, sehingga sekarang menyediakan bilangan kapasiti pelajar, seterusnya eraan blok I akan berfungsi sebagai kampus pelajar.

Jumlah pelajar yang terpaksa tinggal di luar adalah seramai kira-kira 3,500 orang.

"Saya diberitahu RM40 juta itu cuma memungkinkan KPT untuk membangunkan blok I di tapak universiti ini.

"Kami amat berharap, KPT dapat segera memulakan projek ini supaya pelajar tidak perlu lagi tinggal di luar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sidang akademik mahasiswa dan staf UTeM ke Selangor pada Jumaat, 20 Februari.

Malis tersebut Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan dan Pengurusan dan Penerangan Perumal, Prof. Dr. Perumal.

Menurut Zol

medyakni k

akan dapat me-

lakukan

dan aman

URUSAN LEBIH MUDAH PANTAS EPS

DATAKU

Pelajar baru UTeM semangat nyanyi lagu Jalur Gemilang

Siswa Sesi 2009/2010 UTeM kelmarin.

Majlis yang berlangsung di Dewan Banket Seri Negeri, Ayer Keroh itu disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Sri Mohamed Khaled Nordin.

Turut hadir Naib Canselor

UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Bagi pengambilan pelajar baru sesi 2009/2010, UTeM menerima seramai 1,600 pelajar dengan tambahan jurusan baru iaitu Sarjana Muda Pengurusan Teknologi.

MNS22 seni-melaka & ns

www.sinarharian.com.my | SABTU, 21 MAJU

Tarian joget seni tari Melayu

Tarian joget dipengaruhi kebudayaan Portugis iaitu Bravu, satu cabang daripada tarian coridinho.



institut pengajian tinggi awam sampel diuji. h disyaki menghidap H1N1,"

BERSEMANGAT. Semangat cintakan negara jelas kelihan pada pelajar baru Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) apabila menyanyikan lagu Jalur Gemilang dengan penuh bersemangat pada Majlis Perasmian Minggu Haluan

Jasah me ni warisan diri pelajar mantap di

tahun 2004 untuk peny pelajar universiti terbab

"Setakat ini kita punya kira-kira 55 ahli

libatkan tarian, nyanyian

orkestra iaitu membutkan

penyertaan pelajar daripada

semasa kos.

"Komitmen yang diberikan mereka amat baik dan latihan diadakan setiap malam se lama dua jam bermula jam 8.30 malam," katanya.

Sementara itu, pelbagai ke

jayaan dikehacap sepanjang pe

nubuhan kelab itu seperti ber

tarung angugeran

tatarias terbaik dalam festival

zapin di Universiti Putra

Malaysia.

Malaysia.

KEMEN. Seramai 1,000 pelajar dan kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai konvoi notosikal dalam usaha meningkatkan kesedaran penggunaan orang ramai terhadap keselamatan jalan raya baru-baru ini.

Konvoi sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya UTeM 2009 itu turut membawa kira-kira 15,000 keping risalah

hengenai langkah-langkah keselamatan dan etika semasa

pergerakan di jalan raya.

Risalah berkenaan seterusnya diedarkan oleh peserta konvoi di beberapa kawasan perumahan sekitar bandar Melaka untuk memberi kesedaran di kalangan orang ramai mengenai peraturan penggunaan jalan raya dengan lebih sistematis dan selamat.

disediakan pihak pengaju untuk menjamu selera s cara Makan Beradat iaitu bersila di bawah khema khas, di mana Majlis Makan Beradat bermula dengan memotong pulut kunir oleh Mohd Khalil.

Orang ramai dihibur dengan pelbagai persembahan kebudayaan te masuk pencak silat dan persembahan nazam da kumpulan kebudayaan yan di undang khas bertujuan memeriahkan lagi Majlis Makan Beradat bersama emimpin dan rakyat.

Mohd Khalil kemudian d iji pemilik rumah trad al, Hashim Tahi serta urga berkesempatan me secara lebih dekat ke rumah tradisional lebih 80 tahun it sih utuh dengan ke tradisionalnya

www.sinarharian.com.my | SABTU, 21 MAJU

SENARAI

Oleh : Nurain bte Alias

18 - 21 Jun 2009 , Terengganu Darul Iman : Seramai 51 orang peserta telah menyertai X-plorasi Merungkai Badai Belantara bertempat di Gunung Gajah Tenom dan Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) anjuran Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KeReX) dengan kerjasama Unit Alumni & Kerjaya, Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM. Gunung Gajah Tenom adalah gunung yang terletak di antara Air Terjun Sekayu, Kuala Berang dan Air Terjun Lansir, Tasik Kenyir, Terengganu Darul Iman. Gunung ini mempunyai ketinggian 1206m dari aras laut (3958 ft).



Pelbagai aktiviti disediakan melalui ekspedisi ini, antaranya mendaki Gunung Gajah Tenom dan mencandat sotong. Objektif utama ekspedisi ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan menjalinkan hubungan silaturrahim sesama peserta. Peserta juga secara tidak langsung dapat menimba pengalaman baru dalam mempelajari teknik-teknik yang betul untuk mencandat sotong dan dapat menguji ketahanan fizikal serta mental peserta untuk menawan puncak gunung. Rasa cinta dan hormat kepada alam semula jadi dapat disemai dalam diri setiap peserta.



X-PLORASI BADAI MERUNGKAI BELANTARA

REGIONAL CONVENTION

28-30 Mei 2009, Indonesia : "Regional on Student Development-Nurturing Student Leadership Talent" telah diadakan dengan jayanya bertempat di Putra Ball Resort, Bali. UTeM telah menghantar seramai 5 pucuk pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi menyertai konvensyen ini dan turut disertai oleh wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari Seluruh IPT di seluruh Malaysia, Indonesia dan Brunei. Antara objektif utama konvensyen adalah membincangkan mengenai teknik-teknik untuk melahirkan pucuk pimpinan masa hadapan yang berdaya saing seterusnya membentuk semangat jati diri di kalangan pemimpin-pemimpin pelajar.

Oleh : Nurul Diyana bte Mat Zain

ON STUDENT DEVELOPMENT

Oleh : Mohd. Fakhru Nizam bin Husain



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Quranic Generation (GenQ), Sekretariat Exco Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM telah mengajurkan program "A Time For Ukhuvah" pada 11 Julai 20 bertempat di Balai Cerap Al-Khawarizmi dan Tanjung Bidara, Melaka.

Program yang telah disertai seramai 60 orang mahasiswa/i ini adalah bertujuan memperkenalkan Quranic Generation (GenQ) kepada warga UTeM sebagai sebuah unit yang baru ditubuhkan di bawah Sekretariat Exco Kerohanian, MPP UTeM selain meningkatkan keyakinan dalam diri sendiri mahasiswa/i untuk bergerak aktif di dalam akademik mahupun ko-kokurikulum. Pelbagai aktiviti disajikan kepada para peserta, antaranya Sesi Tayangan ilmiah, Quran & Sains, Tazkirah dan pelbagai lagi.

BENGKEL PEMANTAPAN SENI DIKIR BARAT 2009

Oleh : Mohd Khairul Naim

17-19 Julai 2009: Seramai 40 orang mahasiswa/i telah menyertai Bengkel Pemantapan Seni Dikir Barat 2009 anjuran Kelab Dikir Barat Sri Kejora, UTeM dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Warisan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM. Bengkel yang diadakan di Nube Training Centre, Port Dickson, Negeri Sembilan ini adalah bertujuan untuk menggilap dan mengasah bakat peserta di dalam seni muzik dikir barat selain memupuk semangat kerjasama berpasukan dalam menjadikan seseorang itu berdaya saing dan bertanggungjawab.

Bengkel ini juga bertujuan mengeratkan hubungan sesama ahli kelab seterusnya memupuk integrasi kaum, bangsa dan agama dalam melahirkan rasa bersatu padu dan bekerjasama. Pelbagai modul pengisian disediakan bagi menjayakannya. Antaranya; SlotPengenalan, Teknik Dalam Dikir Barat, Pemilihan Lagu, Kerjasama Awok-Awok dan pelbagai lagi.



BENGKEL PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH IPT 2009

Oleh : Mahathir bin Mazizan

18-20 Mei 2009 : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Program Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT 2009 bertempat di Hotel Allson Klana, Putra Nilai, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah disertai seramai hampir 80 orang peserta yang mewakili Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA). Bengkel ini bertujuan menyelaras urusan berkaitan pelaksanaan Program pencegahan rasuah sama ada dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau badan-badan Pertubuhan Pelajar.

Selain memberikan panduan dan informasi mengenai cara-cara pengendalian program-program pencegahan rasuah dan menyampaikan maklumat-maklumat aktiviti yang dianjurkan, ia juga berperanan menjadi organisasi pengantar di antara Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), SPRM dan Pelajar di dalam pelaksanaan program - program pencegahan rasuah.



إِلْيَهْ رَامَادَهْنُ (أَهْلَانْ وَسَاهْلَانْ يَا رَامَادَهْنُ)

Oleh : Mohd Ridhwan bin Salamun

27 Ogos 2009 bersamaan 6 Ramadhan 1430H : BADAR (Badan Dakwah dan Rohani) dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM telah menganjurkan Program Ihya' Ramadhan (Ahlan Wasahlan Ya Ramadhan) bertempat di Masjid Al-Alami, MITC, Ayer Keroh. Program yang telah dihadiri seramai 500 orang ini bertujuan meraikan dan mengimarahkan Bulan Ramadhan dengan mengadakan majlis berbuka puasa dan tazkirah.

Majlis pada malam tersebut diserikan lagi dengan tazkirah yang disampaikan oleh penceramah jemputan yang dijemput khas daripada luar iaitu Ustaz Hj. Mohd Nazri B. Hj. Zainal. Diharap agar program seperti ini dapat diadakan bagi tahun-tahun yang akan datang sebagai kesinambungan aktiviti kerohanian di peringkat universiti.



KONVENTSYEN KEBANGSAAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR IPTA KALI KE-3

UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA

Oleh : Nur Farah Anis bte Abd Aziz

15-19 Mei 2009, Batu Pahat, Johor : Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai Konvensyen Kebangsaan Majlis perwakilan Pelajar IPTA 2009 bertempat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Konvensyen ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Kepimpinan dan Latihan Universiti-universiti Malaysia (MAKLUM) di bawah Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor (HEPA) IPTA.

Dengan bertemakan "Mahasiswa Teras Pembangunan Modal Insan Cemerlang", konvensyen ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada barisan pucuk pimpinan pelajar mengenai dasar-dasar negara, integriti dan kepimpinan. Majlis perasmian konvensyen ini telah disempurnakan oleh Y.B Dato' Seri Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia . Diharap, pengajuran program ini mampu membentuk dan melahirkan barisan pucuk pimpinan pelajar yang bersemangat kental seterusnya meningkatkan sahsiah diri yang cemerlang, gemilang dan terbilang.






Oleh: Mahathir bin Mazzan
12 - 15 Mei 2009 : Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah menganjurkan bengkel TOT Siri 1 Himpunan Patriot Negara atau dikenali sebagai Bengkel **HIMPUN** bertempat di Awana Hotel & Resorts, Genting Highlands, Pahang. Bengkel Siri Pertama ini telah disertai seramai 250 orang peserta yang mewakili setiap Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). UTeM tidak terkecuali dalam menyertai dan menghantar seramai 12 orang staf yang terdiri daripada Ketua Timbalan Pendaftar dan Ketua-ketua Unit HEPA.

Manakala, pada 10 hingga 13 Julai 2009, UUM sekali lagi menganjurkan Bengkel TOT Siri Kedua HIMPUN bertempat di Palm Garden IOI Resort, Putrajaya. Objektif utama pengajuran bengkel TOT HIMPUN ini adalah bertujuan memantapkan patriotisme dalam membentuk modal insan, mengukuhkan perpaduan di kalangan mahasiswa/i dan meningkatkan jaringan antara mahasiswa/i pelbagai universiti seterusnya meningkatkan kefahaman pelajar terhadap isu-isu dan nilai demokrasi dan integrasi.



BENGKEL TOT HIMPUN SIRI 1 & 2




Kem Pemantapan Organisasi Kolej Kediaman UTeM Murni (Pemangkin 2009) telah diadakan di Eagle Ranch Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 17 hingga 19 Julai 2009. Program anjuran Exco Pembangunan Insan, Jawatankuasa Asrama Kolej Kediaman UTeM Murni, HEPA ini telah disertai seramai 80 orang pelajar yang terdiri daripada wakil-wakil rumah, sekretariat kolej kediaman serta JAKSIS.

Bertemakan "Satu Kolej, Satu Harapan," program ini diharap dapat memantapkan struktur jawatankuasa kolej kediaman selain melahirkan semangat kecintaan kepada kolej kediaman seterusnya menyatukan mahasiswa/i kolej dengan memberi pendedahan dan segala maklumat kepada peserta berkaitan perancangan kolej dalam usaha menyerang rasa cinta dan sayangkan kolej kediaman di kalangan mahasiswa/i.

Dengan matlamat menonjolkan kepentingan semangat bekerjasama dalam pasukan bagi melahirkan satu struktur pentadbiran yang mantap, kem ini diharap menjadi pemangkin kepada kegemilangan kolej kediaman khasnya dan universiti pada umumnya.

Oleh: Abdul Halim bin Mohamad Noh

PEMANGKIN 2009



Y.B Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B Datuk Saifuddin bin Abdullah telah berbesar hati untuk 'turun ke padang' pada 15 Julai 2009 bagi meluangkan masa berkenalan beramah mesra dengan staf-staf di Pejabat HEPA serta barisan MPP dan para mahasiswa/i UTeM yang rata-ratanya diwakili pemimpin-pemimpin kelab dan persatuan.

Lawatan beliau ke UTeM adalah bersempena tempoh 100 hari perkhidmatan sebagai Timbalan Menteri Pengajian Tinggi (KPT). Dalam sesi perkongsian tersebut, beliau telah sudi berkongsi pengalaman semasa berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) suatu ketika dahulu. Beliau juga turut berkongsi idea dan pandangan beliau untuk meningkatkan martabat pembangunan pelajar dan menjadikan ia sentiasa relevan dengan persekitaran masa.

Perjumpaan tersebut yang berlangsung selama 4 jam, amat bermakna bagi semua yang hadir kerana inilah peluang yang jarang diperolehi di mana seorang pemimpin telah bertemu secara langsung dengan mahasiswa/i dan mendengar permasalahan serta pandangan yang dikemukakan oleh mahasiswa/i itu sendiri.

Oleh : Idamuni Bte. Ismail

Majlis Perjumpaan Y.B Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Staf HEPA dan Mahasiswa/i.

ADIKKU SAYANG 2009

Ieh : Nur Diyana binti Suparman

Program Motivasi Adikku Sayang 2009 anjuran MPP UTeM dengan kerjasama Kelab Penyayang, Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Unit Kaunseling, HEPA telah berlangsung pada 11 Julai 2009 bertempat di Auditorium UTeM, Kampus Induk, Durian Tunggal. Program ini merupakan kolaborasi antara UTeM dan Majlis Guru Besar Daerah Melaka Tengah di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Program yang disertai seramai 124 orang yang terdiri daripada murid-murid Sekolah Rendah Agama (SRA) seluruh Daerah Melaka Tengah ini bertujuan memberi bimbingan berbentuk motivasi kepada murid-murid yang bakal menduduki Ujian Penilaian Kursus KAFA sekitar bulan Oktober ini seterusnya merapatkan jurang perbezaan antara universiti dan masyarakat setempat. Hal ini selaras dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menyeru agar universiti membangun bersama-sama masyarakat di sekelilingnya.


Pengisian program sehari ini telah diisi dengan pelbagai slot menarik, antaranya ceramah motivasi, sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang membantu mereka mengatur masa dan tips-tips pemantapan potensi diri bagi meningkatkan keyakinan diri dalam menghadapi UPKK. Slot ceramah tersebut telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan HEPA UTeM. Manakala, majlis penutup telah disempurnakan oleh Pn. Laila binti Baba, Pengurus Majlis Guru Besar, Daerah Melaka Tengah.



Oleh : Shahrulfadli bin Yahaya

Festival DEKON MAKUM 2009 merupakan salah satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM). DEKON yang membawa erti DEKLAMASI LAKON telah difestivalkan pada 13 hingga 18 Mei 2009 bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah. Pada festival kali ini, kumpulan Teater Kasawari UTeM telah menyertainya buat pertama kali dan mempertaruhkan 4 orang pelajar sebagai teraju utama dan krew teknikal.

Meskipun tidak mendapat tempat di hati juri namun pementasan pertama kali itu telah banyak memukau hati penonton yang menyaksikannya. Melalui penyertaan ini, sedikit sebanyak memberi impak yang besar kepada peserta seterusnya menjadi pemangkin kepada mereka agar lebih bekerja keras untuk membuat yang terbaik di masa akan datang. Selain itu juga, UTeM turut disebut sebagai universiti yang berteraskan teknikal namun tidak terpinggir dalam mempertahankan seni budaya bangsa khususnya dalam seni pementasan teater.



FESTIVAL DEKON MAKUM 2009

Rehlah Mahabbah 2009

BADAR
WITH UKHWAH WE CARE
BADAN DAKWAH DAN ROHANI

Oleh : Muhammad Firdaus Bin Baharuddin

Badan Dakwah Dan Rohani (BADAR), UTeM dengan kerjasama Unit Kerohanian, HEPA telah menganjurkan Program Rehlah Mahabbah 2009 yang diadakan pada 11 Julai 2009 bersamaan 18 Rejab 1430H bertempat di Taman Botanikal, Ayer Keroh, Melaka. Objektif utama program ini adalah untuk memantapkan sahsiah diri dalam aspek-aspek kerohanian dan fizikal selain mendidik mahasiswa/i mengamalkan setiap perkara dengan berhikmah dalam mengharungi era globalisasi masa kini.

Selain dapat menyedarkan mahasiswa/i betapa pentingnya ilmu, iman, akhlak, moral dan etika sebagai tembok penghalang segala nista di dunia, program ini juga bertujuan menyedarkan mahasiswa/i betapa pentingnya mendalamai ilmu agama terutama di peringkat remaja untuk diamalkan dalam kehidupan serta menimbulkan rasa kepekaan terhadap masalah yang berlaku kini terutamanya yang membabitkan umat Islam sejagat. Program yang disertai seramai 250 orang ini telah diisi dengan pelbagai acara ilmiah dan riadah, antaranya; senaman pagi, ice-breaking, ceramah, Treasure Ad-Deen dan pelbagai lagi.



UTeM ke-9 terbaik Karnival Sukan MASUM 2009

13-28 Mei 2009 : Kontingen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) muncul di tempat ke-9 terbaik daripada keseluruhan 20 Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA) pada Karnival Sukan MASUM 2009 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Kedudukan ini merupakan pencapaian terbaik UTeM dalam sejarah penyertaan Karnival Sukan MASUM semenjak dari penyertaan pertama iaitu pada tahun 2001.

Karnival Sukan MASUM merupakan acara sukan tahunan yang bertaraf kebangsaan serta menghimpunkan atlet terbaik dari setiap universiti bagi mencari juara mutlak dalam setiap acara yang dipertandingkan. Pasukan Karate-do & lawn bowl menjadi penyumbang pingat terbanyak kepada kontingen UTeM pada kejohanan kali ini. Skuad karate-do menyumbang 2 Emas dan 1 Perak sekaligus merangkul Johan Keseluruhan bagi kategori berpasukan lelaki.

Manakala, skuad futsal lelaki, bola tampar wanita, badminton wanita & ping pong lelaki juga mencatat pencapaian membanggakan dengan melayakkan diri ke peringkat suku akhir seterusnya membuktikan kontingen UTeM mempunyai pasukan yang begitu mantap. Majulah sukan untuk UTeM. Tahniah diucapkan!

JADUAL KUTIPAN PINGAT KARNIVAL SUKAN MASUM 2009

BILANGAN	UNIVERSITI	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	Universiti Teknologi MARA	39	24	24	87
2	Universiti Malaya	15	18	13	46
3	Universiti Putra Malaysia	15	16	9	40
4	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	15	13	11	39
5	Universiti Kebangsaan Malaysia	9	5	14	28
6	Universiti Teknologi Malaysia	5	9	21	35
7	Universiti Utara Malaysia	4	10	19	33
8	Universiti Sains Malaysia	4	8	4	16
9	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	3	2	3	8
10	Universiti Pendidikan Sultan Idris	2	4	8	14
11	Universiti Malaysia Sabah	1	3	1	5
12	Universiti Sains Islam Malaysia	1	2	8	11
13	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	1	1	7	9
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	1	1	2	4
15	Universiti Malaysia Perlis	1	1	2	4
16	Universiti Malaysia Pahang	1	-	5	6
17	Universiti Malaysia Terengganu	-	-	5	5
18	Universiti Malaysia Sarawak	-	-	1	1
19	Universiti Malaysia Kelantan	-	-	1	1
20	Universiti Darul Iman	-	-	-	-
	JUMLAH	117	117	158	397

Info Penempatan Pelajar

Penginapan		Kapasiti	Catatan
Taman Tasik Utama		2	252 Siswi
		3	576 Siswi
		Murai Jaya	256
Bunga Raya		A	512 Siswa
		B	270 Siswi
Murni		Emerald	545 Siswa
		Pangsapuri	925 Siswa
		D'Apartment	96 Siswi
Jumlah		3432	

* Statistik Penginapan Pelajar UTeM Sesi 2009/2010



Info Alumni

Tahun Pengajian	Status Pekerjaan								Jumlah Besar	
	Bekerja		Melanjutkan Pelajaran		Belum Bekerja		Jumlah			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
2005	343	77.7	76	17.1	25	5.6	444	100.0	444	
2006	350	35.3	190	19.2	451	45.5	991	100.0	991	
2007	534	40.5	218	16.5	567	43.0	1,319	100.0	1,319	
2008	722	50.6	175	12.3	531	37.1	1,428	100.0	1,428	
Jumlah	1,949	46.6	659	15.8	1,574	37.6	4,182	100.0	4,182	

Rumusan Hasil Kajian Pengesahanan Graduan UTeM 2005-2008

- 1) UTeM telah melahirkan alumni seramai 4,182 orang bermula pada Majlis Konvokesyen Pertama hingga Keempat. Bilangan ini akan terus meningkat pada masa hadapan. Senario semasa menunjukkan bahawa telah wujudnya Persatuan bagi menggerakkan pelbagai aktiviti bersama bagi membantu mahasiswa/i dan bakal graduan.
- 2) Pembudayaan Alumni dan keberkesanan aktiviti secara berterusan dapat menanamkan semangat cintakan alma meter kepada Universiti dan memupuk semangat pemuaafakatan bagi mengekalkan jaringan yang kukuh antara alumni dan Universiti.
- 3) Peranan Alumni ialah memupuk golongan mahasiswa/i di peringkat awal bermula dengan Minggu Haluan Siswa bagi memastikan pembudayaan alumni berterusan dan berkesan. Jalinan kerjasama antara Alumni dan Universiti dilihat memberi kebaikan dalam perkembangan universiti untuk menjadi universiti yang utama dalam bidang pengajian teknikal.
- 4) Maklumbalas diperolehi dari Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dari segenap segi dari pengajaran dan pembelajaran, keperluan industri serta pembentukan sahsiah pelajar.

Sekalung Tahniah

Selamat Pengantin Baru diucapkan kepada kakitangan HEPA UTeM yang telah mendirikan rumah tangga. Semoga berbahagia hingga ke akhir hayat.



En. Muzahie bin Bidin, Pendaftar (P/O), Unit Kewangan yang telah mendirikan rumah tangga bersama wanita idamnya, Pu. Noor Khadiati binti Hj. Abu Bakar pada 7 Jun 2009 bertempat di Kg. Misai, Bukit Batu, Melaka.



Puan Norhafizah binti Md Yusof, Penolong Pendaftar, Unit Kewangan Pelajar yang telah mendirikan rumah tangga bersama jajak idamnya, En. Muzahie bin Rahman pada 22 Mei 2009 bertempat di Batu Berendam, Melaka.

Tahniah diucapkan kepada kakitangan HEPA yang telah menerima "Kehadiran" ahli baru dalam keluarga. Semoga dengan hadirnya ahli baru ini menambahkan lagi kebahagiaan rumah tangga.

Pn. Sri Kartini Rahayu binti Nordin
Pembantu Tadbir (P/O), Bahagian Pembangunan Pelajar
Nama Anak : Muhammad Adam Darwisy
bin Noor Rahman Jamiah
Tarikh Lahir : 14 Ogos 2009
Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka



Lantikan Pengetua dan Felo



Nama : Cik Mahanum binti Mohd Zamberi
Jawatan : Pengetua Kolej Kediaman UTeM Taman Tasik Utama & Taman Murai Jaya



Nama : Pn. Musliha binti Yusoff
Jawatan : Felo Siswi Kolej Kediaman UTeM D' Apartment



Nama : Cik Aida bte Salleh
Jawatan : Felo Siswi Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya



Nama : En. Redza Azri bin Ramlee
Jawatan : Felo Siswa Kolej Kediaman UTeM Emerald



Nama : Pn. Wizana bte Abd. Jalil
Jawatan : Felo Siswi Kolej Kediaman UTeM Taman Tasik Utama



Nama : En. Zulkifli bin Ishak
Jawatan : Felo Siswa Kolej Kediaman UTeM Murai Jaya



Nama : En. Hafizi bin Mohamad
Jawatan : Felo Kolej Kediaman Luar (Kaw. Taman Tasik Utama)



Nama : En. Hassan bin Adnan
Jawatan : Felo Kolej Kediaman Luar (Kaw. Ayer Keroh)

Buletin HEPA mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tetapi tahniah kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang telah mempamerkan prestasi cemerlang pada tahun 2008. Semoga kejayaan yang dicapai dapat mendorong rakan kerja HEPA @ UTeM untuk terus berusaha ke arah tahap luar biasa semiring memartabatkan budaya kerja berpasukan dan perpadangan jauh seperti yang diharapkan oleh Naib Canselor.



Dari belakang dari kiri : Pn. Sulaina bt. Kamarudin, Pn. Siti Fairus bt. Abu Bakar (kini di Pejabat Pendaftar), Pn. Shariza bt. Ainudin (kini di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal) dan Pn. Afedah bt. Sajadi (kini di Pejabat Pendaftar).

Duduk di hadapan dari kiri : En. Shahrom bin Mohd Said, Pn. Mazneet Jaaffar dan En. Fadzly bin Nordin.

Sidang Redaksi



Penaung - Y.Bhg Prof Dr.Zolkepli bin Buang

Penasihat - En.Zainal bin Bidin

Editor - En.Mahathir bin Mazizan

Pengarang - Dr.Raffidah binti Haron

Dr.Muhamad Takrimi Bin Shahabudin

En.Zulkifli bin Sharif

En.Abd Halim Hakim bin Abd.Aziz

Cik Mahanum binti Mohd Zamberi

En.Hassan bin Attan

En.Ahmad Faizal bin Abdul Rahman

Pn.Nurhafizah binti Md.Yusoh

En.Amir bin Ali

En.Tinta Firmannika bin Selamat

Pn.Rafidah binti Md.Dusa

En.Zaimuddin bin Abdul Hamid

Pn.Musliha binti Yusoff

Cik Hadibah binti Tahir

Pembaca Pruf-

Pn.Idamurni binti Ismail

Pn.Mazne binti Jaaffar

Publisiti & Promosi -

Pn.Nazhatul Shima binti Abu Samah

Pn.Sabrina binti Hj.Saleh

Grafik & Foto -

En.Safuan bin Bidin

En.Fadzly bin Ghazali

Penerbit

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Kampus Induk),

Karung Berkunci No.1752,

Pejabat Pos Durian Tunggal,

76109 Durian Tunggal,Melaka.

Terima Kasih dan Penghargaan:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Bahagian perhubungan Awam & Korporat (BPAK)

Tel: 06 - 331 6044 / 6236

Faks: 06 - 331 6116 / 6222

Web: <http://www.utm.edu.my/hepa>